

30 JUL 2002

Zainuddin-Video

RTM AKAN SIARKAN SATU LAGI KLIP VIDEO CERAMAH PAS

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- RTM akan menyiarkan satu lagi klip video ceramah PAS, kali ini oleh anggota parti, Razak Abas, yang menghadapi tuduhan di mahkamah semalam menunjukkan kemaluan kepada seorang anggota Puteri Umno ketika pilihan raya Kecil Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Anak Bukit baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin hari ini berkata dalam klip video itu, Razak menyatakan bahawa pemimpin PAS telah menghalalkan apa sahaja cara asalkan mereka memenangi pilihan raya kecil itu.

Razak merupakan calon PAS bagi kerusi Parlimen Gua Musang pada pilihan raya umum 1999 menentang calon Barisan Nasional Tengku Razaleigh Hamzah.

Selain klip video ceramah PAS yang disiarkan semasa Berita Perdana, RTM juga akan menyiarkan program mengenai kemunduran negeri Kelantan sejak lebih 10 tahun berada di bawah kerajaan pimpinan PAS, katanya pada persidangan berita di Angkasapuri di sini.

Beliau berkata PAS tidak perlu mempertikaikan langkah RTM menyiarkan klip video ceramah beberapa pemimpin PAS selama ini kerana ia dipetik dari cakera padat yang dijual secara terbuka kepada umum seperti di pasar malam.

Penyiaran klip video itu, walaupun sekejap, telah dapat membuka mata rakyat mengenai perbuatan tidak bermoral yang dilakukan para pemimpin PAS ketika berceramah dengan mengeluarkan kata-kata kesat serta memfitnah pemimpin kerajaan, katanya.

Ketika menjawab satu soalan, Zainuddin berkata RTM tidak perlu menyiarkan secara penuh rakaman video ceramah bekas anggota Parlimen Bachok Bunyamin Yaacob yang memfitnah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kononnya menonton video lucah di rumah bersama seorang cucunya.

Beliau berkata petikan fitnah itu sahaja sudah memadai kerana apa yang disiarkan itu datangnya dari mulut Bunyamin sendiri sebagai seorang penceramah PAS, tanpa sebarang suntingan.

"Tidak perlu disiarkan kesemuanya kerana kalau disiarkan pun tidak dapat diterangkan kewajaran mengapa Bunyamin melemparkan fitnah itu kepada Dr Mahathir," katanya.

-- BERNAMA

AKT ZS RON